

UCAPAN Y.A.B
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI UPACARA PEMBUKAAN
RASMI PAVILION ROTHMANS
DI BANGUNAN PERTUNJUKAN ROTHMANS ,
JALAN KLANG , SELANGOR
PADA 26 NOVEMBER , 1966.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-Menteri, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya amat sukacita kerana mendapat penghormatan bagi merasmikan Pembukaan Pavilion Rothman atau Bangunan Pertunjukan Rothmans yang cantik ini. Bangunan ini adalah merupakan satu contoh perkongsian dan kerjasama di antara sebuah syarikat perniagaan dengan sebuah badan sukarela MAHA bagi menjayakan Pertunjukan Perdagangan Antarabangsa ini.

Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Syarikat Rothmans kerana sumbangannya bagi menjayakan Pertunjukan Perdagangan Antarabangsa ini dan saya berharap banyak lagi syarikat-syarikat perdagangan yang lain juga akan bekerjasama dengan badan-badan sukarela seperti MAHA bagi mengadakan pertunjukan-pertunjukan seperti ini pada masa-masa hadapan.

Kerajaan Perikatan berasa bangga di atas keteguhan politik dan kemajuan di Malaysia hari ini. Kerana keteguhan politik inilah kita dapat melancarkan rancangan pembangunan negara dan luar bandar dengan hebatnya untuk memberi berbagai-bagai kemudahan kepada rakyat dan meninggikan taraf hidup semua rakyat khususnya mereka yang tinggal diluar bandar. Tetapi Kerajaan hanya boleh mengadakan kemudahan-kemudahan serta memberi peluang-peluang ini tetapi terletaklah pula kepada rakyat sendiri untuk menggunakan peluang-peluang ini dan berikhtiar bagi mendapat kemajuan dan kesejahteraan hidup.

Peranan rakyat dan daya usaha sendiri sangatlah penting dalam

usaha mencari dan mencapai kemajuan. Rakyat mestilah menggunakan segala fikiran, kebijaksanaan dan tenaga ke arah matlamat yang dituju.

Pertunjukan Perdagangan Antarabangsa ini menunjukkan yang negara kita ini sekarang sedang membangun dan maju ke arah menjadi sebuah negara perusahaan yang sederhana. Saya berharap banyak lagi barang-barang yang diguna dan dipakai oleh rakyat negara ini akan dibuat di negeri ini sendiri dan saya menyeru semua rakyat supaya lebih mengutamakan barang-barang buatan Malaysia daripada barang-barang asing. Di Malaysia sekarang banyak kilang-kilang yang membuat serba anika barang dan saya berharap mutu buatan barang-barang Malaysia ini akan bertambah tinggi dan baik dari satu masa ke satu masa.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Syarikat Rothmans atas sumbangannya dengan membina bangunan yang cantik ini bagi faedah rakyat Malaysia.

Terima kasih.

Sekarang izinkan saya berucap dalam Bahasa Ingeris pula.